

## AKHBAR : HARAKAH

# RUU 355 - Muslimat Selangor aktif bagi penjelasan

Oleh AISYAH ASSUFI

**SHAH ALAM:** Muslimat PAS Selangor menyambut baik seruan Timbalan Presiden PAS, Dato' Tuan Ibrahim Tuan Man untuk memperluaskan program penerangan RUU 355.

Memetik kata Timbalan Presiden selepas ceramah Ghazwah Badar Ramadan lalu, beliau berkata usaha akan dilakukan dengan lebih agresif PAS Pusat selepas Hari Raya ini setelah RUU mengenainya dibawa anggota parlimen Marang pada persidangan parlimen baru-baru ini.

Menyahut seruan itu, Muslimat PAS Selangor dengan kerjasama PAS Shah Alam telah menganjurkan Bicara Santai RUU Akta 355 di dewan Exco, Seksyen 7 Shah Alam.

Setiausaha Agung PAS Pusat, Dato' Takiyuddin Hassan menjelaskan setiap sisi sejarah perundungan di Malaysia sehingga menyentuh soal RUU akta 355.

Katanya, isu tersebut menjelaskan tentang rendahnya martabat dan status mahkamah Syariah dan RUU Akta 355 mahu meninggikan martabah mahkamah Sya-



**Seorang peserta mengajukan soalan kepada Dato' Taqlyudin untuk mendapatkan penjelasan lebih tepat.**

riah.

"Kononnya kita Negara Islam terbesar di dunia, sebab itu saya tak kata kita negara Islam, kita negara umat Islam, umat Islam paling ramai di Malaysia.

"Islam agama Persekutuan walaupun agama lain bebas diamalkan. Semua adat istiadat mesti mengikut agama Islam tetapi status mahkamah Syariah lebih rendah daripada mahkamah majistret," tegasnya.

Beliau menegaskan tiga perkara perlu dipinda iaitu mahkamah Syariah tidak dipinda selama 32 tahun sedangkan mahkamah Sivil setiap tahun dipinda.

Kedua katanya pindaan itu telah dibawa untuk dibentangkan pada tahun 1990-an lagi tetapi tidak berjaya.

Ketiga, sebagai menyahut titah Yang Dipertuan Agong; "Akta 355 ini tidak ada kena mengena langsung dengan agama lain, Akta ini hanya berkaitan dengan mahkamah Syariah yang hanya untuk orang Islam sahaja."

Mengulas tentang penjelasan RUU Akta 355, peserta Syarifah Azirah, 27, berkata, semua masyarakat memainkan peranan untuk merangkul RUU yang dibawa oleh Presiden PAS.

"Kadang-kadang mereka membantah tentang apa

yang mereka tidak faham sebenarnya tetapi jika memahami apa yang berlaku ini akan memberi kesedaran ianya perlu dipinda," katanya.

Bagi Mohd Jasiman, 45, berkata, selepas mendengar bicara santai RUU kefahaman tentang Akta tersebut lebih jelas.

"Sebelum ini, sudah tahu sikit-sikit, bila hadir ni dapat secara lebih komprehensif, kalau kita nak terangkan kepada orang insy-Allah boleh bagi penerangan semula dalam bentuk lebih berfikta," katanya.

Seorang lagi peserta, Mohd Hafizi Mohd Sah, 20, berkata bicara santai RUU akta 355 ini amat berfaedah dan banyak dapat diperolehi seperti isu-isu terkini yang banyak dipusingkan di televisyen dan media sosial.

"Medium yang terdekat dengan orang muda ialah media sosial sendiri, orang boleh pos perkara yang diperolehi pada hari ini dimedia sosial," katanya.

Menurut beliau, selain media sosial golongan muda berperanan mendekatkan sebaya selain memberi penjelasan yang tepat di media sosial lain.